

UPM juara keseluruhan SUKIPT 2018

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali lagi dinobatkan sebagai juara Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 selepas menjuarai edisi sulung SUKIPT pada 2012.

UPM menewaskan juara SUKIPT 2016 iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan perbezaan dua pingat emas apabila mengumpul 118 pingat keseluruhan masing-masing 44 emas, perak (41) dan gangsa (33).

Latihan konsisten

UiTM menduduki tempat kedua dengan mengutip 114 pingat iaitu emas (42), perak (37) dan gangsa (35). Majlis Sukan Politeknik (MSP) Malaysia pula berada di kedudukan ketiga keseluruhan dengan pungutan emas (27), perak (17) dan gangsa (27).

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Aini Ideris, berkata UPM sememangnya menyasarkan untuk muncul johan keseluruhan SUKIPT ke-4.

“Pelbagai program dan latihan awal anjuran Pusat Sukan UPM diadakan untuk mengekalkan prestasi atlet termasuk latihan pusat selama dua minggu.

“Latihan yang konsisten amat membantu atlet UPM sebelum mereka bertanding,” katanya yang turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua atlet dan pegawai kontinjen.

Ketua Pusat Sukan UPM, Dr Hanafiah Ayub pula berkata pada edisi kali ini, UPM menghantar kontinjen seramai 458 atlet, jurulatih dan pengurus dengan menyertai 26 daripada 27 acara sukan.

Sebanyak 100 pasukan institusi pengajian tinggi dari seluruh negara dan universiti jemputan dari Asia Tenggara menyertai kejohanan kali ini.



info

→ Kejohanan SUKIPT 2018 diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bermula pada 2 hingga 10 Februari 2018 membabitkan 27 acara sukan.

Kontinjen UPM dinobatkan juara SUKIPT 2018.